

**Pemimpin PAS: Kenyataan Nik Aziz tentang Nasha cuma pandangan peribadi  
Malaysian Insider  
16 Ogos, 2012  
Oleh Nomy Nozwir**

KUALA LUMPUR, 16 Ogos — Timbalan Presiden PAS, Mohamad Sabu, berpendapat bahawa kenyataan Mursyidul Am parti tersebut, Datuk Nik Aziz Nik Mat, adalah pandangan peribadi beliau semata-mata.

Beliau berkata, ini adalah percubaan media arus perdana untuk memainkan sentimen kepartian untuk memecahbelahkan pimpinan PAS.

"Saya rasa tak perlu ulas panjang tentang isu ini, pihak pimpinan akan berbincang tentang hal ini," katanya lagi.

Sementara itu Ahli Lajnah Politik PAS pusat, Dr Dzulkefly Ahmad, berkata pihak media tidak seharusnya bermain dengan isu ini.

"Pimpinan PAS sentiasa fokus dengan pilihan raya, bukan isu remeh-temeh seperti ini. Bagi saya, setiap orang ada pandangan peribadi, tapi yang paling penting pimpinan PAS dan PR akan bersama untuk menentukan polisi yang lebih baik untuk negara.

"Kalau duduk dengan pimpinan BN, takkan itu pun nak kata kena pecat?"

"Isu ini sengaja dimainkan bagi memastikan pimpinan PAS akan sentiasa bergaduh, dan kami tidak mahu ulas tentang isu ini.

"Isu yang lebih penting seperti pendidikan, kemiskinan, masalah sosial, ekonomi, isu begini yang kita mahu bincangkan," katanya ketika dihubungi oleh The Malaysian Insider petang ini.

Semalam media melaporkan Menteri Besar Kelantan, Nik Aziz tidak hairan jika Nasharudin Mat Isa keluar daripada parti itu setelah bekas timbalan presiden PAS tersebut dilihat bersama Datuk Seri Najib Tun Razak di Mekah semalam.

"Pelik apa, kalau (Datuk Mohd) Asri (Muda) yang berpuluh tahun menjadi Presiden PAS boleh masuk Umno, jadi Nasharudin juga akan turut berbuat demikian," kata Nik Aziz dalam laporan Bernama, semalam.

Akhbar semalam memaparkan gambar Nasharuddin menyertai Perdana Menteri dalam pertemuan dengan tokoh-tokoh ulama sempena Persidangan Luar Biasa Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) yang berlangsung di Arab Saudi.

Nasharuddin sebelum ini pernah mencetuskan kontroversi dalam PAS ekoran menyokong cadangan pembentukan kerajaan perpaduan Umno-PAS sehingga menimbulkan rasa kurang senang kepada Nik Aziz.

Pada Muktamar Agung PAS tahun lepas, Nasharuddin gagal mempertahankan jawatan timbalan presiden kepada Mohamad Sabu.

Nik Abdul Aziz juga berkata adalah lebih baik bagi Nasharudin meninggalkan PAS daripada menimbulkan masalah kepada parti.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemimpin-pas-kenyataan-nik-aziz-tentang-nasha-cuma-pandangan-peribadi/>